

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

**YB TUAN MUHAMMAD TAQUIDDIN BIN CHEMAN (PULAI SEBATANG)**

**SOALAN 1 (A160)**

Menurut Laporan Pasaran Hartanah 2018 terbitan Jabatan Penilaian & Perkhidmatan Harta (JPPH), Negeri Johor memiliki jumlah hartanah kediaman tidak terjual tertinggi di Malaysia iaitu 6,066 unit bernilai RM4.068 Billion. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi mengatasi isu ini?.

**JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD**

Untuk makluman Dewan yang mulia, bagi mengatasi isu hartanah kediaman tidak terjual sebagaimana Laporan Pasaran Hartanah 2018 yang dikeluarkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Kerajaan Negeri mengambil langkah seperti yang berikut bagi mengatasi isu ini:

1. Pemohon dikehendaki melampirkan borang had kelayakan pinjaman perumahan dari mana-mana bank / institusi kewangan bagi mengatasi masalah pemohon tidak melepasi pembiayaan perumahan setelah tawaran rumah dikeluarkan.
2. Pemohon juga dikehendaki melampirkan penyata simpanan kewangan yang mempunyai sekurang-kurangnya 10% daripada harga rumah yang dimohon.
3. Projek-projek yang masih berbaki atau belum habis ditawarkan akan dibuka untuk jualan secara langsung oleh SUKJ Bahagian Perumahan sama ada lot Bumiputera mahupun Rumah Mampu Biaya Johor bagi kemudahan penawaran secara terus kepada pemohon (memenuhi syarat kelayakan sebagaimana yang ditetapkan) yang berminat untuk projek berkenaan.
4. Kerajaan juga akan mempertimbangkan kaedah pelepasan lot Bumiputera kepada lot bukan Bumiputera khusus bagi hartanah tidak terjual sebagaimana laporan Pasaran Hartanah 2018 oleh JPPH.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)  
SOALAN 2 (A168)**

Senaraikan bilangan harta tanah tidak terjual dengan nilai, lokasi dan jenisnya di negeri Johor. Apakah tindakan kerajaan yang diambil untuk mengatasi masalah lambakan rumah tidak terjual di negeri Johor yang semakin meruncing?

**JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD**

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, senarai bilangan harta tanah tidak terjual dengan nilai, lokasi dan jenisnya di negeri Johor adalah seperti jadual di bawah.

JUMLAH UNIT DAN NILAI TIDAK TERJUAL (SEMUA PERINGKAT PEMBINAAN) MENGIKUT DAERAH - Q1 2019															
BIL	DAERAH	KEDIAMAN			KEDAI			SOHO / SERVICE APARTMENT			INDUSTRI			JUMLAH UNIT SEMUA JENIS	NILAI TIDAK TERJUAL (RM)
		UNIT	NILAI	%	UNIT	NILAI	%	UNIT	NILAI	%	UNIT	NILAI	%		
1	BATU PAHAT	1,694	653,592,800	6.0%	273	268,722,000	9.4%	0	0	0.0%	0	0	0.0%	1,967	922,314,800
2	JOHOR BAHRU	10,892	8,372,941,149	76.5%	1,685	1,866,516,107	65.1%	30,025	20,722,162,579	99.7%	598	1,753,911,121	81.4%	43,200	32,715,530,956
3	KLUANG	1,411	471,429,305	4.3%	209	147,426,492	5.1%	0	0	0.0%	0	0	0.0%	1,620	618,855,797
4	KOTA TINGGI	1,395	522,222,254	4.8%	129	95,795,200	3.3%	0	0	0.0%	0	0	0.0%	1,524	618,017,454
5	KULAI	545	366,750,710	3.3%	321	204,956,735	7.1%	102	60,883,800	0.3%	106	274,795,600	12.8%	1,074	907,386,845
6	MERSING	189	39,648,000	0.4%	14	6,692,000	0.2%	0	0	0.0%	35	24,430,000	1.1%	238	70,770,000
7	MUAR	369	168,890,000	1.5%	118	94,250,800	3.3%	0	0	0.0%	19	28,500,000	1.3%	506	291,640,800
8	PONTIAN	230	107,524,000	1.0%	78	52,214,000	1.8%	0	0	0.0%	43	48,200,502	2.2%	351	207,938,502
9	SEGAMAT	413	99,468,700	0.9%	143	97,494,400	3.4%	0	0	0.0%	52	24,841,240	1.2%	608	221,804,340
10	TANGKAK	324	147,598,600	1.3%	47	32,610,000	1.1%	0	0	0.0%	0	0	0.0%	371	180,208,600
	<b>JUMLAH</b>	<b>17,462</b>	<b>10,950,065,518</b>	<b>100.0%</b>	<b>3,017</b>	<b>2,866,677,734</b>	<b>100.0%</b>	<b>30,127</b>	<b>20,783,046,379</b>	<b>100.0%</b>	<b>853</b>	<b>2,154,678,463</b>	<b>100.0%</b>	<b>51,459.00</b>	<b>36,754,468,094.00</b>

Harta Tanah Tidak Terjual Mengikut Peringkat Pembinaan - Q1 2019 Negeri Johor								
BIL	JENIS HARTA	SIAP DIBINA	DALAM PEMBINAAN	BELUM DIBINA	JUMLAH UNIT	%	NILAI OVERHANG (RM)	%
1	KEDIAMAN	6,057	10,438	967	17,462	33.93%	10,950,065,518	29.79%
2	KEDAI	1,195	1,735	87	3,017	5.86%	2,866,677,734	7.80%
3	SOHO/SERVICE APARTMENT	9,073	21,054	0	30,127	58.55%	20,783,046,379	56.55%
4	INDUSTRI	519	326	8	853	1.66%	2,154,678,463	5.86%
	<b>JUMLAH</b>	<b>16,844</b>	<b>33,553</b>	<b>1,062</b>	<b>51,459</b>	<b>100%</b>	<b>36,754,468,094</b>	<b>100%</b>

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

BIL	JENIS HARTA	SIAP DIBINA	DALAM PEMBINAAN	BELUM DIBINA	JUMLAH UNIT	%	NILAI OVERHANG (RM)	%
1	1 TERES	425	658	194	1,277	2.5%	375,345,700.00	1.02%
2	2-3 TERES	2,160	3,972	386	6,518	12.7%	3,727,643,963.00	10.14%
3	1 BERKEMBAR	63	465	15	543	1.1%	222,107,852.00	0.60%
4	2-3 BERKEMBAR	684	572	7	1,263	2.5%	1,688,620,623.00	4.59%
5	SESEBUAH	121	439	0	560	1.1%	998,836,430.00	2.72%
6	TOWN HOUSE	62	0	0	62	0.1%	74,393,056.00	0.20%
7	CLUSTER	258	594	184	1,036	2.0%	1,184,190,514.00	3.22%
8	RUMAH KOS RENDAH	45	210	40	295	0.6%	15,060,000.00	0.04%
9	FLAT KOS RENDAH	83	0	0	83	0.2%	3,770,000.00	0.01%
10	FLAT	182	0	0	182	0.4%	19,343,000.00	0.05%
11	CONDO / APT	1,974	3,528	141	5,643	11.0%	2,640,754,380.00	7.18%
12	Kedai 1 - 1 1/2 Storey	117	184	6	307	0.6%	76,072,792	0.21%
13	Kedai 2 - 2 1/2 Storey	519	653	81	1,253	2.4%	1,014,230,302	2.76%
14	Kedai 3 - 3 1/2 Storey	342	356	0	698	1.4%	956,256,708	2.60%
15	Kedai 4 - 4 1/2 storey	14	0	0	14	0.0%	14,700,000	0.04%
16	Kedai Semi Detached	18	20	0	38	0.1%	58,408,000	0.16%
17	Kedai Strata	185	522	0	707	1.4%	747,009,932	2.03%
18	SOHO	688	79	0	767	1.5%	349,180,380	0.95%
19	SERVICE APARTMENT	8,385	20,975	0	29,360	57.1%	20,433,865,999	55.60%
20	INDUSTRI TERES	122	75	0	197	0.4%	162,620,940	0.44%
21	INDUSTRI BERKEMBAR	242	78	0	320	0.6%	978,751,173	2.66%
22	INDUSTRI SESEBUAH	34	47	8	89	0.2%	476,099,530	1.30%
23	INDUSTRI CLUSTER	121	126	0	247	0.5%	537,206,820	1.46%
					<b>51,459</b>		<b>36,754,468,094.00</b>	<b>100.00 %</b>

Harta tanah tidak terjual di Negeri Johor sehingga Q1 2019 terdiri daripada harta Kediaman, Komersial (Kedai dan SOHO / Servis Apartment) dan Industri. Ia merangkumi harta yang telah siap dibina, dalam pembinaan dan belum dibina.

Jumlah keseluruhan semua jenis harta tanah tidak terjual sehingga Q1 2019 adalah 51,459 unit dengan nilai RM 36,754,468,094.00. SOHO / Servis Apartment

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

mencatatkan bilangan dan nilai harta tidak terjual tertinggi di Negeri Johor iaitu 30,127 unit yang bernilai RM 20,783,046,379.00. Diikuti harta kediaman 17,462 unit bernilai RM 10,950,065,518.00.

Johor Bahru adalah daerah yang merekodkan bilangan dan nilai harta tidak terjual tertinggi iaitu 76.46% bagi harta kediaman, 99.7% bagi SOHO / Service Apartment, 65.11% bagi Kedai dan 81.4% bagi harta Industri.

Bagi harta kediaman, jenis kediaman teres 2-3 tingkat mencatatkan bilangan harta kediaman tidak terjual tertinggi iaitu 6,518 unit bernilai RM 3,727,643,963.00 diikuti Kondominium / Apartment 5,643 unit bernilai RM 2,640,754,380.00.

Rumah teres 2-3 tingkat berharga RM 1 juta ke atas adalah kediaman tertinggi tidak terjual yang mewakili 50.3%. Manakala bagi Kondominium / Apartment berharga RM 600,000.00 ke atas adalah 60.8%.

Bagi mengatasi isu hartanah kediaman tidak terjual sebagaimana Laporan Pasaran Hartanah 2018 yang dikeluarkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Kerajaan Negeri mengambil langkah seperti yang berikut bagi mengatasi isu ini:

1. Pemohon dikehendaki melampirkan borang had kelayakan pinjaman perumahan dari mana-mana bank / institusi kewangan bagi mengatasi masalah pemohon tidak melepasi pembiayaan perumahan setelah tawaran rumah dikeluarkan.
2. Pemohon juga dikehendaki melampirkan penyata simpanan kewangan yang mempunyai sekurang-kurangnya 10% daripada harga rumah yang dipohon.
3. Projek-projek yang masih berbaki atau belum habis ditawarkan akan dibuka untuk jualan secara langsung oleh SUKJ Bahagian Perumahan sama ada lot Bumiputera mahupun Rumah Mampu Biaya Johor bagi kemudahan penawaran secara terus kepada pemohon (memenuhi syarat kelayakan sebagaimana yang ditetapkan) yang berminat untuk projek berkenaan.
4. Kerajaan juga akan mempertimbangkan kaedah pelepasan lot Bumiputera kepada lot bukan Bumiputera khusus bagi hartanah tidak terjual sebagaimana laporan Pasaran Hartanah 2018 oleh JPPH.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

**YB TUAN HAJI ABD. TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)**

**SOALAN 3 (A74)**

Nyatakan jenis dan jumlah pelaburan asing yang telah berjaya dibawa masuk ke Johor sepanjang satu tahun yang lalu.

**JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE**

Jumlah pelaburan asing yang telah diterima oleh Negeri Johor pada tahun 2018 adalah sebanyak RM24.036 bilion.

Pelaburan asing ini adalah terdiri dari beberapa industri utama di Malaysia. Untuk tahun 2018, Industri Petroleum (termasuk petrokimia) telah mendominasi pelaburan asing di Negeri Johor dengan nilai pelaburan sebanyak RM 11.834 billion dan ini diikuti Industri Elektrik & Elektronik iaitu nilai pelaburan asing adalah sebanyak RM 8.315 billion. Manakala bagi Industri Kimia dan Produk Kimia, jumlah pelaburan asing yang telah berjaya dibawa masuk pada tahun 2018 adalah sebanyak RM 2.364 billion.

Untuk industri Kelengkapan Pengangkutan, jumlah pelaburan asing yang telah dibawa masuk ke Negeri Johor bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM 314.904 juta dan bagi Industri Besi yang dibentuk, pelaburan asing yang telah melabur pada tahun lepas adalah sebanyak RM 184.097 juta manakala untuk Industri Pengilangan Makanan, sejumlah RM 172.18 juta telah dilaburkan oleh pelabur asing bagi tahun 2018.

Berikut adalah pelaburan asing mengikut industri selain yang dinyatakan diatas bagi tahun 2018 :

1.	Industri Produk Plastik	RM 169.38 juta
2.	Industri Kayu dan Produk Kayu	RM 154.63 juta
3.	Industri Produk Mineral bukan Metalik	RM 139.95 juta
4.	Industri Mesin & Kelengkapan	RM 120.99 juta
5.	Industri Perabot & Lengkapan	RM 102.90 juta
6.	Industri Produk Getah	RM 69.78 juta
7.	Industri Produk Teskstil & Tekstil	RM 63.88 juta
8.	Industri Saintifik & Kelengkapan Pengukuran	RM 31.16 juta
9.	Industri Besi Asas	RM 2.15 juta

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

**YB DATUK HAJI MD. OTHMAN BIN HAJI YUSOF (KUKUP)**

**SOALAN 4 (A89)**

Berapakah jumlah pelaburan FDI (Foreign Direct Investments) dan pelabur dari negara mana yang telah melabur dalam masa setahun kebelakangan ini di Negeri Johor.

**JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE**

Sebanyak RM 24.036 billion pelaburan asing yang telah diterima oleh Negeri Johor pada tahun 2018 dan ianya menunjukkan peningkatan sebanyak 471.1% dari jumlah pelaburan asing bagi tahun 2017 iaitu berjumlah RM 5.102 billion.

Negara Indonesia telah mendominasi pelaburan asing di Negeri Johor bagi tahun 2018 iaitu sebanyak RM 8.46 bilion di mana pelaburan ini adalah bertumpu di kawasan Pengerang dan ianya di dalam industri Minyak dan Gas.

Selain itu Negara yang telah melabur di Negeri Johor bagi tahun 2018 berserta jumlah pelaburan FDI yang telah dilaburkan ialah :

1. Belanda	-	RM 7.57 billion
2. China	-	RM 2.84 billion
3. Amerika Syarikat	-	RM 2.36 billion
4. Singapura	-	RM 864.69 juta
5. Jepun	-	RM 764.58 juta
6. United Kingdom	-	RM 376.46 juta
7. Taiwan	-	RM 181.59 juta
8. Thailand	-	RM 128.53 juta
9. Hong Kong	-	RM 74.08 juta
10. Australia	-	RM 42.81 juta
11. Switzerland	-	RM 29.05 juta
12. Myanmar	-	RM 22.39 juta
13. Itali	-	RM 13.29 juta
14. Cyprus	-	RM 12.10 juta
15. British Virgin Island	-	RM 7.40 juta
16. Jerman	-	RM 6.00 juta
17. Finland	-	RM 2.15 juta

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)**

**SOALAN 5 (A185)**

Sila beri statistik penceraian di negeri Johor bagi pasangan Islam dan bukan Islam dan usaha-usaha yang dijalankan kerajaan negeri Johor di dalam membantu mereka?

**JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG**

Merujuk statistik penceraian yang diperolehi dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), bagi tahun 2017 Negeri Johor mencatatkan kes perceraian sebanyak 4588 iaitu ditangga kedua selepas Negeri Selangor yang mencatat kes tertinggi iaitu sebanyak 8898 kes. Berdasarkan statistik tiga (3) tahun terkini iaitu 2015 – 2017, Negeri Johor merupakan negeri kedua tertinggi direkodkan dalam kes perceraian syariah.

i. Jumlah Pendaftaran Cerai Mengikut Negeri Bagi **Tahun 2017** :

<b>Negeri</b>	<b>Jumlah</b>
<b>Selangor</b>	<b>8898</b>
<b>Johor</b>	<b>4588</b>
<b>Perak</b>	<b>3710</b>
Kelantan	3652
Terengganu	2610
Pahang	2489
Sarawak	2115
W.P Kuala Lumpur	2107
Negeri Sembilan	1923
Sabah	1835
Kedah	1769
Pulau Pinang	1549
Melaka	1289
Perlis	647
W.P Putrajaya	261
W.P Labuan	151
<b>JUMLAH</b>	<b>39593</b>

ii. Jumlah Pendaftaran Cerai Mengikut Negeri **Tahun 2016**

<b>Negeri</b>	<b>Jumlah</b>
<b>Selangor</b>	<b>8721</b>
<b>Johor</b>	<b>4673</b>
<b>Kelantan</b>	<b>3482</b>
Terengganu	2736

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

Pahang	2616
Perak	2578
Sarawak	2283
Negeri Sembilan	1945
Sabah	1810
Kuala Lumpur	1550
Pulau Pinang	1385
Melaka	1185
Kedah	1172
Perlis	702
Putrajaya	189
Labuan	139
<b>JUMLAH</b>	<b>37136</b>

iii. Jumlah Pendaftaran Cerai Mengikut Negeri **Tahun 2015**

<b>Negeri</b>	<b>Jumlah</b>
<b>Selangor</b>	<b>8156</b>
<b>Johor</b>	<b>4332</b>
<b>Kelantan</b>	<b>3318</b>
Kedah	3277
Terengganu	2833
Pahang	2332
Perak	2026
Sarawak	2000
Kuala Lumpur	1851
Negeri Sembilan	1749
Sabah	1417
Pulau Pinang	1387
Melaka	1039
Perlis	696
Putrajaya	177
Labuan	142
<b>JUMLAH</b>	<b>36732</b>

Manakala jumlah perceraian yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), sebanyak 14,440 kes perceraian telah dicatat bagi tahun 2013 hingga 2017. Dalam Tempoh berkenaan, Negeri Johor telah mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 2,860 kes, diikuti Wilayah Persekutuan sebanyak 2,771 kes dan Selangor 1,858 kes bagi perceraian pasangan bukan Islam.



**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

Berdasarkan statistik tersebut Kerajaan Negeri Johor telah merangka pelbagai program bagi mengatasi permasalahan tersebut. Terdapat pelbagai program sedia ada yang masih dikekalkan antaranya adalah Program Sakinah Warga Industri. Program Sakinah Warga Industri menunjukkan keprihatinan kerajaan kepada warga industri supaya tidak ketinggalan dalam mendapatkan pengetahuan berkenaan kekeluargaan. Program ini bukan hanya kepada kakitangan awam tetapi juga kepada kakitangan swasta iaitu sama ada di kilang-kilang, syarikat-syarikat swasta dan sebagainya.

Objektif Sakinah Warga Industri adalah menyampaikan Modul Keluarga Sakinah kepada masyarakat, memberikan input dan ilmu pengetahuan untuk dijadikan amalan seharian, menerapkan konsep “kerja sebagai ibadah”, dan menjadikan modul ini sebagai satu gaya hidup dan amalan masyarakat khususnya di Negeri Johor. Selain daripada itu, Program Warga Industri menekankan isu-isu perceraian meliputi bagaimana menangani pengurusan stress, masalah kewangan dan hukum hakam dalam keluarga. Program ini berterusan dijalankan keseluruh daerah dalam Negeri Johor.

Program Sakinah yang dilaksanakan pada tahun ini diadakan secara ‘road show’ di setiap daerah meliputi kawasan bandar mahupun luar bandar supaya masyarakat dan warga industri khususnya tidak ketinggalan menerima manfaat dari program ini. Walaupun program ini diadakan secara berfokus, walaubagaimanapun diharapkan ianya dapat memberi impak yang besar kepada mereka seterusnya ilmu yang diperolehi dipanjangkan kepada rakan-rakan sekerjanya yang lain.

Selain itu, kerajaan Negeri Johor juga sentiasa menitik beratkan ilmu kekeluargaan kepada pasangan yang belum dan ingin berkahwin iaitu menerusi Kursus Pra-Perkahwinan kepada pasangan Muslim. Selain Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta’zim (YPKDT) juga telah diberi tanggungjawab dalam melaksanakan Kursus Pra-Perkahwinan (Modul 1). Kursus Pra Perkahwinan Islam adalah dimestikan bagi pasangan Islam yang ingin berkahwin iaitu mana-mana pemohon yang hendak mengemukakan permohonan untuk mendapatkan kebenaran berkahwin hendaklah menghadiri dan memiliki Siji Kursus Pra Perkahwinan Islam (MBKPPI) yang dikeluarkan oleh penganjur kursus yang berdaftar dan diberi kebenaran oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta’zim juga mempunyai Modul Keluarga Sakinah yang meliputi sembilan Modul iaitu dari Modul 2 hingga Modul 10 iaitu :

- i. Modul 2 : Persediaan Keibubapaan
- ii. Modul 3 : Pra Keibubapaan
- iii. Modul 4 : Asuhan, Bimbingan, dan Pendidikan Bayi (Bayi hingga 7 tahun)
- iv. Modul 5 : Asuhan, Bimbingan dan Pendidikan Kanak-Kanak (Mumayyiz hingga Baligh)
- v. Modul 6 : Alam Remaja

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

- vi. Modul 7 : Alam Dewasa
- vii. Modul 8 : Alam Matang
- viii. Modul 9 : Usia Emas
- ix. Modul 10 : Khusnul Khatimah

Kini Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim sedang membina Modul Keluarga Sejahtera bagi pasangan bukan Islam. Modul sedang dibangunkan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim dengan kerjasama dari pihak Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Dengan terhasilnya Modul Keluarga Sejahtera, ini adalah dicadangkan kepada kerajaan agar setiap pasangan bukan Islam juga wajib menghadiri dan mendapatkan sijil Kursus Pra Perkahwinan dengan menggunakan Modul Keluarga Sejahtera Johor. Ini merupakan langkah menunjukkan kerajaan komited dengan masalah social yang berlaku antaranya adalah perceraian.

Seterusnya Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) juga kini sedang dalam usaha menubuhkan Perkhidmatan Bantuan Guaman kepada wanita yang bermasalah. Objektif penubuhan perkhidmatan ini adalah membantu golongan wanita Negeri Johor yang menghadapi masalah rumahtangga dan memerlukan nasihat bantuan guaman secara professional, dan menjalin kerjasama bijak dengan pelbagai agensi, badan bukan kerajaan dan badan-badan guaman dalam membantu masyarakat yang menghadapi permasalahan rumah tangga.

Perkhidmatan ini dijangka akan dilaksanakan sepenuhnya pada bulan Oktober 2019 dan YPKDT juga akan menyediakan Talian Helpline bagi memudahkan masyarakat mendapatkan perkhidmatan ini. Perkhidmatan Bantuan Guaman ini telah mendapat kerjasama penuh dari Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Jabatan Bantuan Guaman dan Jawatankuasa Peguam Negeri Johor (Johor Bar Council). Pelbagai khidmat akan disediakan antaranya kaunseling dan khidmat nasihat, dan lain-lain perkhidmatan kekeluargaan untuk keluarga Islam dan bukan Islam. Manakala Pejabat Pembangunan Wanita Negeri telah melaksanakan program-program berikut dalam membantu wanita dan ibu tunggal Negeri Johor.

<b>Bil</b>	<b>Program</b>	<b>Peserta</b>
1	Program Klinik Guaman	105
2	Program Usahawan U-Boleh	430
3	Program Klinik Destress	630
4	Program Sosial Market Saya (SMS)	726
5	Program Pusat Aktiviti Cakna Bangun Ekonomi (PACBE)	239
6	Program Amazing Raca	50

Setakat ini program tersebut telah memanfaatkan seramai 2180 orang wanita. Untuk makluman, pada tahun 2018, seramai 3227 wanita telah mendapat manfaat daripada program-program tersebut.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

**YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)**

**SOALAN 6 (A172)**

Harga barang di Johor semakin meningkat dan faktor utamanya adalah disebabkan rakyat dari negara jiran yang cenderung membeli belah di Johor Bahru. Apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan agar rakyat Johor tidak menjadi mangsa akibat masalah ini?

**JAWAPAN YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPIAH**

Kerajaan sememangnya peka dan prihatin terhadap isu-isu melibatkan peningkatan harga barang kursusnya di negeri Johor pada masa kini. Pelbagai inisiatif dan program telah diambil oleh Kerajaan bagi memastikan rakyat negeri Johor tidak menjadi mangsa akibat masalah ini dan taraf hidup rakyat dijaga, antaranya ialah seperti berikut:

- i. Penguatkuasaan melalui **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** dengan mengambil tindakan tegas terhadap peniaga yang cuba menaikkan harga barangan dan disyaki mencatut;
- ii. **Price Catcher** adalah satu aplikasi telefon pintar bagi memudahkan pengguna mendapatkan maklumat harga barangan keperluan asas di premis-premis terpilih memastikan rakyat terus mendapat bekalan barangan pada harga yang terendah melibatkan pasar raya besar, pasar raya dan pasar mini di seluruh negara;
- iii. Melaksanakan **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan yang bermula dari tahun 2000 merupakan satu daripada inisiatif kerajaan dalam membantu meringankan beban masyarakat bagi mengatasi isu kenaikan harga ketika 6 perayaan utama iaitu Tahun Baru Cina, Hari Gawai, Pesta Keamatan, Hari Raya Puasa, Deepavali dan Krismas. Mulai tahun 2019 Skim ini ditelaah diberi penambahbaikan dengan memperkenalkan **Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP 2019)** dimana tempoh penguatkuasaannya dipanjangkan selama 30 hari bermula dengan **SHMMP Hari Raya Puasa 2019**;**
- iv. **Program Food Bank Malaysia** diwujudkan dengan objektif adalah untuk membantu golongan kurang berkemampuan untuk mendapat bekalan makanan serta memberikan kesedaran kepada pengguna berkenaan dengan inisiatif lebihan makanan bagi mengelakkan pembaziran makanan. Selain itu, ianya membantu mengatasi pembaziran makanan yang masih boleh digunaksemula dengan mengurangkan kos operasi pasaraya-pasaraya dan yang terakhir mewujudkan struktur pengurusan lebihan makanan yang lebih tersusun dan terancang. Pelaksanaan di Negeri Johor ini disokong dengan penglibatan dari Pasaraya-pasaraya dan Hypermarket. Pelaksanaan ini juga telah dikembangkan

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

kepada peringkat Universiti-universiti dimana yang terbaru dilancarkan adalah di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Skudai, Johor pada 15 April 2019;

- v. **Penglibatan Majlis Harga Barang Negara (MHBN) Johor** yang mana membabitkan seramai 99 orang Pegawai Pemantau Harga yang menjalankan kutipan harga setiap hari disemua Parlimen didalam Negeri Johor merangkumi kesemua premis-premis perniagaan seperti Pasar Awam, Pasaraya, Kedai Makan dan lain-lain yang mana objektif penubuhan MHBN ini adalah bertujuan:-
- a) Mengutip dan merekodkan data harga barangan keperluan pengguna di pasaran secara konsisten dan sistematik;
  - b) Membangunkan Bank Data harga barangan keperluan pengguna;
  - c) Menyediakan laporan perubahan harga barangan keperluan pengguna setiap hari untuk membolehkan Kerajaan merangka/melaksanakan tindakan yang perlu berkaitan harga dan bekalan barangan keperluan pengguna;
  - d) Menyediakan sumber rujukan kepada pengguna dalam membuat perbandingan harga dan merancang perbelanjaan.
- vi. **iKeeP vs KR1M**, Inisiatif Kedai Ekonomi Pengguna (i-keeP) menggantikan Kedai rakyat 1 Malaysia (KR1M) dalam menyediakan barang keperluan dengan harga murah dan berpatutan kepada rakyat. I-keeP akan menggunakan slogan 'Harga Ekonomi Belian Terbaik'. I-Keep telah dilancarkan pada 29 November 2018 oleh Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail. Di bawah inisiatif i-KeeP 6 rakan strategik telah dilantik iaitu Segi Fresh Cash and Carry Sdn Bhd, KK Supermart, Pasaraya Big SuperMart, Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad (D'Mart), Tunas Manja Group (TMG Mart) dan Koperasi Orang Melayu Kerajaan Perak Berhad (SKOMK). I-keep akan menjual barangan keperluan yang popular dan pilihan harian rakyat kerana harga yang ditawarkan adalah berpatutan dan akan lebih menguntungkan pengguna. Di Negeri Johor, semua cawangan Kedai Runcit D'Mart telah di naiktaraf sebagai i-KeeP yang menjadi jumlah keseluruhan i-KeeP yang beroperasi di Negeri Johor adalah sebanyak 39 buah;

Yang terakhir, Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Menangani Kos Sara Hidup Rakyat (NACCOL) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan tanggungjawab berkenaan di letakkan dibawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebagai Urusetia utama sebagai inisiatif meningkatkan keberkesanan usaha kerajaan dalam memastikan harga barangan tidak meningkat terlalu tinggi disamping penguatkuasaan undang-undang berhubung kenaikan harga barangan. Jawatankuasa ini sentiasa membincangkan pelbagai strategi dalam usaha meningkatkan taraf hidup rakyat. Antara fungsi Jawatankuasa berkenaan adalah untuk membuat rantaian ke atas pengedaran barangan tersebut yang mana ianya bermula daripada Peringkat Pengeluar / Ladang /

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

Pengimport ke Peringkat Pemborong dan seterusnya kepada Peringkat terakhir iaitu Peruncit dengan menggunakan kaedah rantaian dan Laporan Kajian berkenaan telah dikemukakan kepada Seketeriat Jawatankuasa NACCOL Peringkat KPDNHEP Pusat. Kajian ini membabitkan penglibatan semua Pejabat KPDNHEP seluruh Negara Amnya dan 8 Pejabat KPDNHEP Negeri Johor khususnya. Ini merangkumi barangan keperluan asas rakyat Malaysia Amnya dan Rakyat Johor Khasnya Pihak KPDNHEP Negeri Johor akan terus mempergiatkan aktiviti penguatkuasaan terutamanya dalam isu kenaikan harga agar para peniaga tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga hanya kerana untuk mendapatkan keuntungan yang berlebihan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

**YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)  
SOALAN 7 (A99)**

Kementerian Kesihatan meluluskan peruntukan untuk membina pusat dialisis di Klinik Kesihatan Tenggaraoh 2 pada tahun 2017. Apakah status pembinaan pusat dialisis di Klinik Kesihatan Tenggaraoh 2?

**JAWAPAN YB TUAN MOHD KHUZZAN BIN ABU BAKAR**

Perwujudan perkhidmatan hemodialisis di Klinik Kesihatan seluruh Malaysia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi tahun 2017 hingga 2020 melibatkan pembinaan satu (1) Pusat Hemodialisis di negeri Johor iaitu Klinik Kesihatan Tenggaraoh 2, Mersing. Agensi Pelaksana Projek ialah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan KKM yang telah melantik perunding bagi pelaksanaan projek ini. Lawatan tapak dan mesyuarat bagi membincangkan skop kerja bersama perunding telah diadakan pada 30 Mei 2019. Berdasarkan Jadual Perancangan Kerja oleh perunding, iklan tender dijangka pada bulan Disember 2019 dan kontraktor dijangka memulakan kerja di tapak pada bulan Mac 2020 dengan tempoh pelaksanaan projek selama 18 bulan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

**YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI (SEMARANG)**

**SOALAN 8 (A68)**

Berapakah kos sebenar penganjuran Le Tour De Iskandar dan berapa ramaikah pelumba yang mengambil bahagian?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI**

Kos Perbelanjaan penganjuran Kejohanan Berbasikal Tour De Iskandar Johor 2019 adalah sebanyak **RM1,858,077.15** dan sebahagian dari kos tersebut adalah daripada peruntukkan kerajaan Negeri Johor sebanyak RM 800,000.00. Manakala **untuk penyertaan pula**, sebanyak **23 pasukan** dengan kekuatan seramai **224 orang** atlet telah menyertai kejohanan ini termasuk pasukan dari luar negara.

Senarai pasukan adalah seperti berikut:-

1. **Malaysia National Tema (Malaysia)**
2. **Terengganu INC TSG cycling Team (Malaysia)**
3. **Team Sapura Cycling (Malaysia)**
4. **JDT Cycling Team (Malaysia)**
5. **Selangor State Cycling Team (Malaysia)**
6. **PDRM-G Cycling Tema (Malaysia)**
7. **Nex Cycling Team (Singapore)**
8. **Brunei Continental Cycling Team (Brunei)**
9. **Go For Cold Philippines (Philippines)**
10. **7Eleven Cliqq-Air21 Roadbike Philippines (Philippines)**
11. **Customs Cycling Indonesia (Indobesia)**
12. **St. George Continental Cycling Team (Australia)**
13. **Banyuwangi Road Cycling Community (Indonesia)**
14. **Roojai Cycling Team (Thailand)**
15. **Sri Lanka Army Team (Sri Lanka)**
16. **Taiyun Miogee Cycling Team (China)**
17. **HengXiang Cycling Team (China)**
18. **Mitchelton - Bike Exchange (China)**
19. **Giant Cycling Team (China)**
20. **X-Speed United (Hong Kong)**
21. **KSPO Bianchi Asia Pro cycling (Korea)**
22. **Team UKYO (Japan)**
23. **Kinan Cycling Team (Japan)**

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

**YB TUAN MD. YSAHRUDIN BIN HJ. KUSNI (BUKIT NANING)**

**SOALAN 9 (A124)**

Nyatakan langkah-langkah bagi mengekalkan daerah Muar sebagai bandar terbersih di ASEAN.

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bandar Muar telah diiktiraf sebagai antara bandar terbersih di ASEAN dan penerima anugerah *Asean Clean Tourist City Standard Award 2017* di ASEAN Tourism Forum 2017, Chiang Mai, Thailand. Pengiktirafan ini adalah disebabkan bandar Muar menepati standard dan ciri-ciri bandar bersih yang ditetapkan ASEAN.

Tahniah kepada pihak-pihak yang berkenaan atas usaha-uasha menjadikan Bandar Muar sebagai Bandar terbersih di ASEAN. Saya berharap pengiktirafan ini akan mendorong seluruh warga rakyat Johor di bandar lain supaya menjaga kebersihan Bandar masing-masing dan seterusnya meningkatkan nama dan imej Negeri Johor di ASEAN.

Secara keseluruhannya, tahap kebersihan bandar ini dinilai melalui pelbagai kriteria meliputi keindahan landskap, sistem pengurusan sampah yang sempurna, jalan yang bersih, bangunan-bangunan yang dijaga indah, sungai yang bebas daripada kotoran selain kualiti udara yang segar dan nyaman.

Bagi mengekalkan pengiktirafan ini, pelbagai inisiatif dilakukan oleh MPM terutama dari aspek kebersihan seperti berikut :

**Pertama;**

Pelaksanaan gerak kerja secara bersepadu melalui (pemantauan oleh pengawas/anggota pemantau KPI) di setiap zon yang telah ditetapkan.

**Kedua;**

Melaksanakan pemantauan dan tindakan pembetulan secara konsisten di antara PBT, SWCorp dan Konsesi. Bagi Pihak SWM, kakitangan akan dibahagikan kepada 2 shift iaitu shift pagi dan petang bagi memastikan daerah Muar sebagai Bandar Terbersih di ASEAN.

**Ketiga;**

Program-program *Corporate Social Responsibility* (CSR) penguatkuasaan dan juga kempen kebersihan secara berkala dengan kerjasama antara jabatan. Sebagai contoh Program *Communication for Behavioural Impact* (COMBI) anjurkan bersama jabatan kesihatan, aktiviti plogging (aktiviti gotong-royong) di taman-taman atau kawasan perumahan dan Task Force kawasan perindustrian.



**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

**YB DATO' IR. SYED SIS BIN A. RAHMAN (TANJUNG SURAT)**

**SOALAN 10 (A153)**

Bilakah projek pembinaan Masjid Taman Bayu Damai yang telah diluluskan peruntukkannya akan mula dibina?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

Peruntukan sebanyak RM5 juta telah diluluskan oleh pihak ICU JPM bagi tujuan pembinaan masjid ini. Ketika ini, pihak JKR Negeri Johor dalam proses menyiapkan rekabentuk dan In sha Allah, proses tender akan dibuka pada bulan Ogos tahun 2019.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

**YB TUAN MD. YSAHRUDIN BIN HJ. KUSNI (BUKIT NANING)**

**SOALAN 11 (A125)**

Berapakah peruntukan penyelenggaraan jalanraya negeri bagi di kawasan Bukit Naning di kawasan bertanah gambut yang memerlukan sistem penyelenggaraan berjadual akibat kekerapan trafik dikawasan tersebut.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI**

JKR telah menerima peruntukan sebanyak RM 1juta pada tahun 2018 bagi kerja reconstruction. JKR juga telah membuat permohonan tambahan sebanyak RM4.6j bagi Program Tahun 2019 agar dapat melaksanakan penyelenggaraan sepenuhnya dan masih menunggu kelulusan peruntukan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

**YB DATO' HAJI ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)**

**SOALAN 12 (A3)**

Berapakah jumlah yang diperuntukan untuk persatuan sukan memohon dana dan berapa kejohanan sukan peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa yang telah di susun untuk di anjurkan di negeri Johor pada tahun 2019.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI**

**Majlis Sukan Negeri Johor** telah memperuntukkan satu jumlah yang besar bagi membantu memperkasakan Persatuan Sukan Negeri Johor bagi tahun 2019. **Peruntukkan sebanyak RM 1,070,000.00 telah pun diperuntukkan untuk memperkasakan Persatuan Sukan Negeri Johor** dan peruntukkan tersebut telah di bahagikan mengikut elemen-elemen seperti berikut :-

I.	Bantuan Pentadbiran	:	RM 130,000.00
II.	Bantuan Pengelolaan Pertandingan	:	RM 340,000.00
III.	Bantuan Penyertaan Kejohanan	:	RM 550,000.00
IV.	Majlis Mesyuarat Perundingan	:	RM 50,000.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>:</b>	<b>RM 1,070,000.00</b>

Berbeza dengan peruntukkan yang diberi pada tahun 2018 sebanyak RM 580,000.00 sahaja iaitu lebih dari 50% penambahan peruntukkan diberi kepada Persatuan Sukan Negeri Johor. Ia adalah **bertujuan membantu persatuan membuat persiapan dari segi penganjuran kejohanan dan penyertaan atlet sebelum menghadapi Temasya Sukan Malaysia 2020**. Walaubagaimana pun semua peruntukkan yang dinyatakan perlulah dimohon melalui kepala surat Persatuan Sukan Negeri Johor yang berdaftar dan sah. Permohonan akan dikaji dan semua persatuan layak menerima subsidi bantuan sebanyak 50% sekurang-kurangnya dari jumlah yang dimohon. Persatuan juga wajib menghantar laporan perbelanjaan 2 minggu selepas kejohanan atau aktiviti yang dijalankan kepada Majlis Sukan Negeri Johor. Jika gagal maka permohonan seterusnya akan ditahan.

Manakala **bagi penganjuran Kejohanan pula**, Majlis Sukan Negeri Johor telah pun mula menjalankan Sirkuit Remaja Johor sejak dari tahun 2018 sehingga kini. Sirkuit tersebut adalah sebagai platform untuk melahirkan atlet-atlet pelapis di bawah 16 tahun bagi mewakili Negeri Johor di Temasya Sukan Malaysia dan Kebangsaan pada masa akan datang. Berikut adalah tarikh-tarikh yang telah ditetapkan bagi sirkuit pada tahun 2019 :-

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

BIL	SIRKIT SIRI	SUKAN	TARIKH	DAERAH	CATATAN
1	SIRKIT SIRI 1	KANU MEMANAH PENCAK SILAT	15 & 16 Mac 2019	Tangkak	TELAH BERJAYA DIJALANKAN
2		BERBASIKAL PETANQUE OLAHRAGA WUSHU	12 & 13 April 2019	Batu pahat	
3	SIRKIT SIRI 2	BERBASIKAL OLAHRAGA PETANQUE	5 & 6 Julai 2019	Kota Tinggi	
4		KANU PENCAK SILAT MEMANAH WUSHU	2 & 3 Ogos 2019	Mersing	
5	SIRKIT SIRI 3 / AKHIR	BERBASIKAL KANU MEMANAH PENCAK SILAT PETANQUE OLAHRAGA WUSHU	11 & 12 Oktober 2019	Johor Bahru	

Bagi Penganjuran Kejohanan di Peringkat Antarabangsa Majlis Sukan Negeri Johor dengan kerjasama beberapa Persatuan Sukan Negeri Johor telah pun mengatur dan menjalankan beberapa kejohanan kebangsaan dan antarabangsa bermula dari awal tahun 2019. Berikut adalah kejohanan-kejohanan kebangsaan dan antarabangsa yang telah pun dijalankan dan akan dijalankan :-

BIL	PROGAM / AKTIVITI	SUKAN	TARIKH	PERINGKAT
1	KEJOHANAN REMAJA TERTUTUP NEGERI JOHOR SIRI 1	TENPIN BOLING	8 MAC 2019	NEGERI
2	KEJOHANAN SEPAK TAKRAW ANTARA DAERAH	SEPAK TAKRAW	20-24 MAC 2019	NEGERI

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

3	KEJOHANAN TERTUTUP JOHOR SIRI 2	REMAJA NEGERI	TENPIN BOLING	12-Apr-19	NEGERI
4	KEJOHANAN JOHOR NEGERI (TAEKWONDO)	REMAJA PERINGKAT	TAEKWONDO	12-13 APRIL 2019	NEGERI
5	KEJOHANAN BOLA JARING PIALA YM CHE KHALEEDA	PUAN	BOLA JARING	12-14 APRIL 2019	KEBANGSAAN
6	KEJOHANAN SENIOR KE-57	JUDO	JUDO	6-7 APRIL 2019	KEBANGSAAN
7	TOUR de JOHOR 2019	ISKANDAR	BERBASIKAL	17-21 APRIL 2019	ANTARABANGSA
8	KEJOHANAN ANANTARABANGSA SUPERSERIES	MUAYTHAI	MUAYTHAI	27-Apr-19	ANTARABANGSA
9	KEJOHANAN NEGERI JOHOR	REMAJA	PING-PONG	6-8 JUN 2019	KEBANGSAAN
10	KEJOHANAN ANANTARABANGSA 21 TAHUN EDISI KE 9, PIALA SULTAN JOHOR 2019	HOKI	HOKI	12-19 OKTOBER 2019	ANTARABANGSA
11	LIGA BOLA SEPAK PIALA MB		BOLA SEPAK	OKT	KEBANGSAAN

Selain itu, Kementerian Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri turut memperkasakan persatuan-persatuan sukan dengan menjalinkan kerjasama, sama ada dalam penganjuran bersama pelbagai program sukan, perkhidmatan kepakaran, perkhidmatan pengadilan dan lain-lain.

Jabatan ini juga telah merancang, menyelaras dan melaksanakan pelbagai program sukan untuk semua yang melibatkan lebih ramai di peringkat komuniti agar aktiviti sukan dijadikan sebagai salah satu gaya hidup sihat. Antara program yang disediakan adalah program sukan kecergasan, sukan pemotoran, sukan rekreasi, sukan ekstrem, dan sukan rakyat / sukan untuk semua. Sebagai makluman, jabatan ini telah melaksanakan 3 pertandingan peringkat negeri, 2 pertandingan peringkat zon dan selebihnya program-program berbentuk kecergasan, kursus dan klinik sukan di peringkat negeri.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

**YB DATO' IR. SYED SIS BIN A. RAHMAN (TANJUNG SURAT)**

**SOALAN 13 (A158)**

Sekolah Agama Johor telah menjangkau 100 tahun sejak ditubuhkan. Apakah perancangan kerajaan Johor untuk menambah baik dan memperkasakan lagi pembelajaran sekolah ini?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

Kerajaan Negeri akan terus memberi perhatian yang tinggi untuk meningkatkan pengurusan pendidikan agama di negeri Johor. Perancangan untuk memperkasakan system pendidikan agama terus diatur yang di antaranya ialah :

1. Menstrukturkan semula Bahagian Pendidikan Islam dari sudut perjawatan daripada peringkat pengurusan tertinggi pejabat negeri dan daerah hinggalah ke peringkat sekolah.
2. Membuat semakan semula kurikulum di semua peringkat bermula dari peringkat Tadika Islam Johor, sekolah agama hingga Darjah Khas.
3. Memperkasakan pembelajaran peringkat menengah agama dengan mewujudkan sekolah menengah tahfiz antarabangsa dan Maahad Johor (Perempuan) serta menaiktaraf program tahfiz AsSyafie yang sedang dilaksanakan di Maahad Johor.
4. Mengurus laluan peningkatan ikhtisas guru-guru KAFA negeri Johor untuk diserap ke jawatan tetap DG 29.
5. Menyediakan bahan pembelajaran secara digital untuk semua sekolah agama.
6. Menaiktaraf pentadbiran sekolah berasaskan teknologi digital.
7. Mengkaji keperluan bagi pembinaan bangunan baharu sekolah agama untuk projek Fasa 6 dan seterusnya.
8. Menaiktaraf perjawatan guru Tadika Islam Johor kepada perjawatan kontrak serta memperluaskan jumlahnya.
9. Menyediakan guru-guru yang lebih terlatih dalam bidang pentadbiran dan kemahiran khusus matapelajaran.

Menambah peruntukan untuk perolehan keperluan sekolah seperti kerusi dan meja murid, peralatan pejabat dan pusat sumber serta peruntukan untuk tujuan penyelenggaraan sekolah-sekolah agama

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

**YB TUAN MUHAMMAD TAQUIDDIN BIN CHEMAN (PULAI SEBATANG)**

**SOALAN 14 (A163)**

Mohon pandangan EXCO tentang kewajaran penjawat awam yang berjawatan gred 41 ke atas bagi PBT-PBT di Johor boleh bertukar sesama PBT bagi mengelakkan wujudnya korupsi dan persepsi negatif di setiap daerah ekoran bertapak terlalu lama di satu PBT.

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Adalah dimaklumkan bahawa belum ada peraturan pegawai-pegawai di Pihak Berkuasa Tempatan selain Yang Dipertua dan Setiausaha bertukar antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Johor.

Menurut Seksyen 16 (4) Akta Kerajaan Tempatan 1976, setiap PBT adalah menjadi Pihak berkuasa melantik anggota masing-masing. Oleh yang demikian penempatan anggota yang dilantik adalah terhad kepada Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing sahaja.

Namun demikian perkara ini telah mendapat perhatian di peringkat Persekutuan. Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan ke-70 telah meluluskan Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang dibangunkan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan PBT serta mengambil kira kehendak rakyat.

Antara program berimpak tinggi yang dilaksanakan adalah termasuk penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan PBT (SPPBT) yang membolehkan pegawai dan kakitangan PBT ditukarkan dari satu PBT ke PBT yang lain dalam negeri yang sama (selaras dengan Senarai II Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan PBT bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri).

Isu-isu yang berkaitan perkhidmatan tertutup anggota PBT adalah seperti berikut :

- (i) Kemajuan kerjaya pegawai atau kakitangan PBT terhad;
- (ii) Anggota PBT bermasalah tidak boleh ditukarkan ke PBT lain;
- (iii) *Little Napoleon*;
- (iv) Pegawai terdedah rasuah; dan
- (v) Peluang rayuan terhad bagi kes tatatertib.

SPPBT akan bertindak sebagai badan tunggal yang akan menguruskan perkara-perkara seperti berikut :

- (i) Perkembangan kerjaya – SPPBT akan berfungsi sebagai Lembaga Kenaikan Pangkat di sesebuah negeri;

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

- (ii) Hadkan tempoh pegawai berada di tempat yang sama – SPPBT boleh menukar tetap pegawai / kakitangan yang dilantik secara tukar sementara dan pinjaman.
- (iii) Menambahbaik pengurusan sumber manusia PBT – SPPBT berfungsi mengurus pelantikan pegawai / kakitangan PBT secara tetap.
- (iv) Kurang peluang rasuah - Melalui pusingan kerja (job rotation).
- (v) Tata tertib – SPPBT akan menjadi pihak berkuasa Tataertib bagi anggota PBT.

SPPBT memainkan tujuh (7) skop peranan seperti berikut :

- (i) Pelantikan;
- (ii) Pengesahan;
- (iii) Memasukkan perkhidmatan tetap dan berpencen;
- (iv) Kenaikan Pangkat;
- (v) Pertukaran;
- (vi) Menjadi Suruhanjaya Rayuan Kes Tata tertib; dan
- (vii) Penamatan perkhidmatan.

Namun demikian, proses SPPBT tersebut perlu dibuat kajian secara menyeluruh kerana melibatkan implikasi perundangan seperti pindaan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Akta-akta Lain seperti Undang-Undang Tubuh Negeri, Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980. Cadangan Penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan PBT ini juga tertakluk kepada keupayaan kewangan Kerajaan Negeri masing-masing.



**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

**YB DATO' IR. SYED SIS BIN A. RAHMAN (TANJUNG SURAT)**

**SOALAN 15 (A155)**

Bilakah Projek pembinaan jalan raya (P4) yang menghubungkan Kg Bukit Gelugor Ke Kg Punggai akan siap?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI**

Projek pembinaan jalan raya (P4) yang menghubungkan Kg Bukit Gelugor Ke Kg Punggai dijangka akan siap sepenuhnya pada 19 Julai 2019. Pada masa kini kerja-kerja pembinaan giat dijalankan dan telah mencapai 94% pembinaan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

**YB TUAN MUHAMMAD TAQIUDDIN BIN CHEMAN (PULAI SEBATANG)**

**SOALAN 16 (A161)**

Timbul polemik berkenaan isu pemberian tauliah kepada penceramah luar Johor. Minta penjelasan EXCO Agama berkenaan prosedur untuk mendapatkan tauliah tersebut.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

Tauliah mengajar dan memberi syarahan agama Islam di Negeri Johor diberikan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor menerusi Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 dan Kaedah-Kaedah Mengajar dan Memberi Syarahan Agama Islam 1991. Mereka yang memohon untuk mendapatkan tauliah ini perlu melalui penilaian yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor antaranya peperiksaan bertulis, temuduga lisan dan sebagainya.

Bagi penceramah luar, mereka boleh diberikan tauliah sama ada kebenaran khas atau terhad sekiranya permohonan mereka mematuhi dan melepasi penilaian yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor khususnya kawalan dari segi fahaman Ahli Sunnah Wal Jama'ah aliran Al-Asya'irah dan Al-Maturidiyyah. Namun, berdasarkan jumlah pemegang tauliah negeri Johor seramai 1,263 orang untuk tempoh tauliah 1 hingga 3 tahun, bilangan ini dirasakan mencukupi untuk menampung permintaan masyarakat Islam tentang pengajaran agama Islam.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

**YB DATO' HAJI ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)**  
**SOALAN 17 (A4)**

Setelah lebih setahun menjadi kerajaan, apakah perancangan yang dilakukan oleh kerajaan hari ini untuk memastikan anak - anak muda di luar bandar juga mengamalkan gaya hidup sihat melalui penganjuran sukan - sukan diperingkat akar umbi ?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI**

Bagi memastikan produktiviti negara mencapai sasaran yang optimum, kesihatan jasmani perlu seiring dengan kesihatan mental dan rohani. Justeru itu, Kerajaan masa kini sentiasa berusaha dalam memastikan peningkatan pembudayaan sukan dalam kalangan rakyat Malaysia. Justeru itu, **Kerajaan melalui Kementerian dan Jabatan Belia dan Sukan telah merancang, menyelaraskan dan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti sukan yang diminati** bagi menarik minat masyarakat untuk menyertai program-program yang disediakan. Sukan Untuk Semua merupakan satu "tools" pembangunan belia dan juga mampu meningkatkan penglibatan rakyat di pelbagai peringkat sebagai salah satu gaya hidup sihat.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun ini pelbagai program sukan yang telah dan akan dilaksanakan di Negeri Johor dengan sasaran penyertaan lebih 50,000 orang. **Program-program yang dilaksanakan merangkumi elemen sukan kecergasan, sukan OKU, FitMalaysia@community, Liga Sukan Untuk Semua (LiSUS), sukan pemotoran, sukan rekreasi, sukan ekstrem dan sukan rakyat.** Pelaksanaan FitMalaysia (17hb Ogos 2019) dan Bulan Sukan Negara (12 Oktober 2019) yang bakal dilaksanakan juga merupakan platform kepada belia dan masyarakat sebagai pencetus dan bakal memberi impak yang besar ke atas peningkatan kesedaran kesihatan dan mutu sukan negara secara keseluruhan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

**YB TUAN MOHD. IZHAR BIN AHMAD (LARKIN)**  
**SOALAN 18 (A29)**

Berapakah jumlah nilai FDI yang telah dicatatkan masuk ke dalam negeri Johor sehingga Mac 2019?

**JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE**

Bagi tempoh Januari – Mac 2019, jumlah pelaburan dalam sektor perkilangan yang telah diluluskan di Negeri Johor adalah sebanyak RM2.43 bilion. Daripada jumlah itu, sebanyak RM1.01 bilion ( 71% adalah dari pelaburan asing ( FDI ) dan RM 1.42 bilion ( 29% ) adalah dari pelaburan domestik (DDI).

Antara Negara penyumbang terbesar kepada jumlah pelaburan asing adalah dari Negara China, Singapura dan Amerika Syarikat.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

**YB SENATOR DATUK ZAHARI BIN SARIP (BULUH KASAP)  
SOALAN 19 (A191)**

Minta kerajaan menyatakan status pembinaan Masjid Kg Sepinang di kawasan DUN Buloh Kasap Segamat yang telah terbengkalai beberapa tahun.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Johor telah mengemukakan permohonan kepada pihak ICU JPM pada 16 Jun 2019 dengan peruntukan sebanyak RM1.62 juta.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

**YB TUAN HAJI ABD. TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)**

**SOALAN 20 (A76)**

Berapakah keluasan penanaman padi di negeri Johor dan usaha-usaha untuk memajukan sektor berkenaan.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

Dari data keluasan penanaman padi di dalam Negeri Johor terkini di Luar Musim 2018 adalah **1,419 ha** seperti mana pecahan berikut : -

<b>DAERAH/SAWAH</b>	<b>KELUASAN PASEL PADI (HA)</b>	<b>KELUASAN BERTANAM (HA)</b>
B.Pahat/ Sawah Sagil	73	63
Mersing/ Sawah Pdg Endau	432	397
Mersing/ Sawah Air Papan	132	54
Kluang/ Kahang	118	54
Muar/ Sawah Sg Balang	364	303
Tangkak/ Sawah Kesang Gate	32	32
Tangkak/ Sawah Kesang Tasek	120	75
Tangkak/ Sawah Sawah Ring	331	288
Tangkak/ Sawah Telok Rimba	309	154
Tangkak/ Sawah Pulau Penarik	51	51
<b>JUMLAH</b>	<b>1,830</b>	<b>1,419</b>

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

Usaha – usaha untuk memajukan sektor tanaman padi seperti berikut : -

**1. Pembangunan Program Pertanian**

Merangkumi aplikasi penggunaan teknologi tinggi dalam pengeluaran padi, peningkatan pembekalan benih berkualiti, penstabilan harga melalui jualan terus dari ladang, serta penambahbaikan institusi latihan pertanian.

**2. Pemberian Subsidi Dan Insentif Pertanian**

Bantuan ini termasuk subsidi dan insentif untuk sektor padi yang merangkumi Pemberian Subsidi Harga Padi, Pemberian Subsidi Baja Padi, Insentif Peningkatan Hasil Padi, Insentif Pengeluaran Padi, Subsidi Harga Beras dan Subsidi Benih Padi Sah. Dengan adanya subsidi ini, kerajaan berharap agar ia dapat meringankan beban pengusaha ladang.

**3. Amalan Pertanian Baik (APB)**

APB merupakan satu pendekatan dalam sistem pengembangan pertanian Jabatan Pertanian Malaysia bertujuan untuk memastikan pengeluaran hasil pertanian berkualiti dan selamat dimakan. APB merangkumi pengurusan ladang yang lebih mesra kepada alam sekitar. APB juga bertindak memastikan amalan-amalan yang dilaksanakan oleh pengusaha ladang semasa proses pengeluaran dan pengendalian hasil bagi ladang adalah berkualiti, produk yang dikeluarkan selamat dimakan dan tidak menimbulkan risiko kepada alam sekitar dan juga pekerja ladang.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

**YB DATO' IR. SYED SIS BIN A. RAHMAN (TANJUNG SURAT)**

**SOALAN 21 (A154)**

Bilakah kerja-kerja pembinaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Kg Punggai disambung semula setelah terbengkalai begitu lama?

**JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD**

Untuk makluman, PPR di Kg Punggai dinamakan dengan PPR Pengerang. Pembinaan bagi kesemua Projek PPR adalah di bawah tanggungjawab pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Bagi Projek PPR Pengerang ini, kontraktor penyelamat yang telah dilantik oleh pihak KPKT adalah AM Rich Constructions Development Sdn Bhd. Tarikh milik tapak adalah pada 25 Mac 2019 manakala tarikh siap (asal) adalah pada 24 September 2021.

Untuk makluman dewan yang mulia, maklumat kemajuan kerja yang dibentangkan oleh kontraktor kepada pihak KPKT di Mesyuarat Tapak Bil 3/2019 pada 23 Jun 2019 adalah sebagaimana berikut:

<b>Kerja-kerja di tapak sehingga</b>	<b>Kemajuan Jadual Asal (%)</b>	<b>Kemajuan Jadual Sebenar (%)</b>	<b>Cepat (+) / Lewat (-) (%)</b>
16 Jun 2019 (Fizikal)	2.87	2.87	0.00 0.00 hari
16 Jun 2019 (Kewangan)	3.46	1.17	-2.29



**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

**YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI (LAYANG-LAYANG)**

**SOALAN 22 (A51)**

Kerajaan berjanji akan membuka peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia terutamanya anak Johor yang bekerja di Singapura. Apakah status terkini dan berapa jumlah anak negeri Johor yang telah kembali bekerja di Malaysia?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN**

Bekerja di luar negara, menjadi pilihan dan rebutan terutama kepada generasi muda pada masa kini. Mereka beranggapan peluang bekerja di luar negara bagaikan satu peluang keemasan kerana berdasarkan gaji lumayan yang ditawarkan. Melalui Unit Strategik Modal Insan Johor, antara langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan penghijrahan rakyat untuk bekerja di luar negara antaranya ialah:

**1. Karnival Kerjaya Johor Bestari**

Penganjuran program karnival kerjaya ini adalah untuk menyediakan platform pertemuan kepada majikan dan pencari kerja. Melalui program ini, para majikan digalakkan untuk melakukan temuduga secara terbuka dan penempatan segera kepada pencari kerja yang hadir ke program ini. Pada 20 & 21 April 2019 di Galleria@Kotaraya, Johor Bahru yang lalu, lebih dari 5,000 peluang pekerjaan telah ditawarkan dengan penglibatan majikan sebanyak 80. Manakala karnival kerjaya peringkat zon akan diadakan di daerah Tangkak, telah dijadualkan pada 3 Ogos 2019 bertempat di Dewan Jubli Intan Tangkak dengan menjangkakan minimum 1,000 peluang pekerjaan. Begitu juga dengan pelaksanaan di daerah Batu Pahat turut menyasarkan minimum 1,000 peluang pekerjaan.

**2. Program Johor Upskilling & Reskilling**

Sasaran Program latihan kemahiran ini adalah untuk meningkatkan kemahiran kepada 200 tenaga kerja sedia ada terutamanya di kalangan pencari kerja yang mempunyai kelayakan minima UPSR sehingga Diploma untuk mendapat peluang tawaran pekerjaan yang lebih baik dengan gaji yang lebih kompetitif. Objektif pelaksanaan program ini adalah melatih tenaga kerja di Negeri Johor dan menyediakan penempatan kerja di Johor setelah tamat latihan. Antara kursus program-program yang menjadi permintaan dan akan dijalankan ialah:

- Program Kimpalan Industri
- Program Pemasang Perancah Tahap Asas (Minyak & Gas)
- Program Penyelia Keselamatan Tapak Bina
- Program Pembantu Kesihatan
- Program Penyelamat Kelemasan
- Program Operasi Servis Makanan & Minuman

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

Selain daripada inisiatif-inisiatif yang dinyatakan, usaha-usaha yang lain juga akan di terus dipergiatkan seperti program-program kemahiran, bantuan asas bagi usahawan, serta kursus-kursus pendek bagi melahirkan pekerja-pekerja mahir yang kompeten dan berdaya saing untuk memacu ekonomi negara.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

**YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)**

**SOALAN 23 (A115)**

Apakah rancangan kerajaan dalam menggalakkan dan menyediakan kondisi yang sesuai untuk membangunkan ekonomi digital di negeri Johor seperti pembangunan aplikasi e-Wallet dan aplikasi-aplikasi lain yang merupakan asas kepada ekonomi digital.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN**

Dalam teras ketiga Belanjawan Negeri Johor 2019, agenda untuk mengaplikasikan Ekonomi Digital merupakan salah satu langkah strategik dalam teras **Pembangunan Infrastruktur, Penggerak Zon Perdagangan Dan Komuniti Digital** bagi memacu pertumbuhan ekonomi digital di negeri johor.

Sebagai langkah pertama, kerajaan negeri telah menubuhkan sebuah jawatankuasa yang berperanan sebagai penggerak inisiatif-inisiatif digital di negeri ini yang dikenali sebagai **Majlis Sains, Teknologi dan Inovasi Johor**. Ia telah dipersetujui melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebagaimana RM Bil 490/2019 pada 13 Mac 2019. Badan ini kini dipengerusikan oleh YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi dan diterajui oleh **Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPENJ)** dan **Bahagian Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor (BSTICT)** sebagai sekreteriat utama. Ia juga dianggotai oleh agensi-agensi yang berkepakaran dalam bidang masing-masing yang bertindak sebagai penasihat serta penyumbang buah fikiran dan bahan ilmiah seperti MAMPU, SKMM, UTM, UTHM, IRDA dan beberapa lagi nama lain untuk dinyatakan. Selain itu, turut menganggotai ialah syarikat-syarikat GLC Johor seperti PDT, KPRJ dan Digital Johor Sdn. Bhd. yang terlibat dalam menyediakan Pelan Transformasi Digital Negeri Johor.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri melalui BPENJ sedang giat menyediakan kajian Pelan Pembangunan Mampan Johor 2019 – 2030 yang mana salah satu daripada skop kajiannya adalah untuk mewujudkan Penggerak Zon Perdagangan dan Komuniti Digital yang akan mendukung agenda e-Ekonomi nasional melalui Pembangunan Pelan Digital Negeri Johor. Antara sasaran yang ingin dicapai adalah untuk mewujudkan gerbang pembayaran digital (e-wallet) melalui kerjasama dengan pihak swasta dan Program Hartanah Digital Johor bagi mewujudkan direktori digital (e-direktori) dengan penggunaan nama domain **johor.my** atau **johorbestari.my** yang seragam. Direktori ini akan menyediakan kandungan yang boleh dipercayai, tepat dan terkini dan boleh disertai oleh semua agensi, pertubuhan, syarikat dan perniagaan yang bertapak di negeri Johor mengikut kriteria yang ditetapkan. Kelebihan program ini, ia dapat menggalakkan perkongsian maklumat organisasi dan kenalan serta dapat memenuhi permintaan golongan sasaran seperti pelancong, pelabur, bakal pelabur, rakyat tempatan dan lain-lain pemegang taruh yang berhasrat untuk mendapatkan maklumat yang

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi, terkini dan mutakhir dari pihak yang berkuasa.

Pengenaan sejumlah bayaran bagi tujuan pendaftaran domain kepada badan yang ingin menyertai boleh dijadikan sumber pendapatan baru kepada Kerajaan Negeri dan secara tidak langsung menjadikan ia sebagai program hartanah digital yang pertama seumpamanya di Malaysia yang berkonsepkan lokaliti dan bersifat konklusif.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

**YB TUAN KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)  
SOALAN 24 (A83)**

Sebelum ini telah dinyatakan kesemua YB terlibat secara langsung ataupun tidak dalam proses pentadbiran tetapi masih tidak berlaku bagi YB Pembangkang. Adakah tidak menjadi suatu pilihan buat YB ADUN untuk melibatkan diri atau sememangnya YB Pembangkang tidak akan terlibat selain dipanggil pihak Majlis Jawatankuasa Tindakan Daerah?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman YB Bukit Pasir, berdasarkan Arahan No 1, 2018 Jentera Penyelarasan Pelaksanaan yang telah diluluskan oleh YAB Perdana Menteri berkuatkuasa 31 Oktober 2018, YB Pembangkang bukan merupakan ahli di dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Negeri Johor (MTNg), Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri Johor (JKTNg) dan Jawatankuasa Tindakan Daerah (JKTD).

Walau bagaimanapun YB ADUN pembangkang akan terlibat dalam program –program kerajaan dan kerajaan seperti sambutan kemerdekaan, Maulidurasul dan lain-lain lagi.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

**YB TUAN KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)  
SOALAN 25 (A85)**

Pos PGA Kampung Sungai Ayam di antara pos keselamatan di negeri Johor namun keadaan pos ini agak uzur dan perlu di selenggara. Berapakah jumlah peruntukan yang disediakan bagi penyelenggaraan pos-pos keselamatan yang ada di seluruh Negeri Johor?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman dewan yang mulia, Pejabat Bridged Tengah PGA telah menghantar permohonan bagi peruntukan penyelenggaraan pos Pasukan Gerakan Am (PGA) Kampung Sungai Ayam kepada Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) Kuala Lumpur bertarikh 1 Mac 2019 dengan kos anggaran sebanyak RM21,055.80.

Kos berkenaan adalah bagi membiayai 15 kerosakan, iaitu di bahagian bumbung dapur, siling, papan lantai, tiang penongkat lantai, cermin tingkap nako, dinding luar, dinding dalam, siling dapur, kerangka besi bahagian bawah dapur, kayu pengalas lantai bahagian bawah dapur, pintu jenis kayu, tandas, pintu tandas dan bilik mandi (luar) jenis plastic PVC, tangka air dan tangka septik.

Status terkini, permohonan ini masih belum mendapat kelulusan daripada KDNKA Bukit Aman.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)  
SOALAN 26 (A183)**

Sila nyatakan statistik punca kemalangan yang menyumbang di dalam peningkatan kemalangan jalan raya di Jalan Tanjung Labuh, Batu Pahat dan langkah kerajaan negeri di dalam mengatasi peningkatan kadar kemalangan jalan raya ini?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman sidang dewan yang mulia, terdapat **Sembilan (9)** punca kemalangan yang seringkali berlaku di Jalan Tanjung Labuh, Batu Pahat bagi tempoh **Januari 2019 hingga Mei 2019**.

Punca kemalangan disebabkan terbabas mencatatkan jumlah kes kemalangan tertinggi, iaitu sebanyak **44 kes**, diikuti oleh punca perlanggaran depan dengan depan sebanyak **36 kes**, langgar belakang, **28 kes**, langgar sebelah tepi, **20 kes** serta langgar rusuk tepat dan bergesel dengan **10 kes** masing-masing.

Manakala bagi punca kemalangan melibatkan pejalan kaki adalah sebanyak **6 kes**, melanggar objek dalam jalan sebanyak **1 kes** dan lain-lain kes mencatatkan sejumlah **13 kes** punca kemalangan.

Jumlah keseluruhan adalah sebanyak **168 kes** punca kemalangan.

Dalam masa sama, Kerajaan Negeri Johor terus giat berusaha dalam mengatasi peningkatan kemalangan dalam tempoh tersebut.

Bahagian Siasatan Penguatkuasa Trafik Batu Pahat juga telah mengambil inisiatif melalui penganjuran pameran dan ceramah keselamatan bagi memberi kesedaran awam kepada orang ramai berkaitan kes berlakunya punca kemalangan ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

**YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)  
SOALAN 27 (A107)**

Sebahagian tapak tanah rumah Kampung Penderam belum mempunyai geran tanah. Adakah pihak Pejabat Daerah Johor Bahru mempunyai rancangan untuk memberi geran tanah kepada mereka.

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman YB Tiram, kawasan pencerobohan Sungai Penderam, Mukim Sungai Tiram melibatkan 3 buah kampung iaitu Kampung Desa Mewah, Kampung Desa Makmur dan Kampung Desa Pingitan.

Kampung Desa Makmur melibatkan 44 pemohon, telah ada kelulusan pemberimilikan pada Disember, 2011 oleh Kerajaan Negeri .

Kampung Desa Mewah melibatkan 26 pemohon, telah ada kelulusan pemberimilikan oleh Kerajaan Negeri pada Disember, 2011.

Bagi permohonan Kampung Desa Pingitan melibatkan 131 pemohon seluas 182 ekar . Pihak Berkuasa Negeri telah menolak kesemua permohonan tersebut kerana tanah-tanah dipohon termasuk dalam Rizab Hutan Simpan Sungai Johor sebagaimana Warta No.57 pada tahun 1952.

Oleh kerana tanah tersebut termasuk dalam Rizab Hutan Simpan Sungai Johor, sekiranya terdapat pendudukan atau pencerobohan tanaman adalah dibawah bidang kuasa Jabatan Perhutanan untuk mengeluarkan permit penggunaan dibawah Seksyen 32(1) Akta Perhutanan Negara 1984.



**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

**YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN HAJI MOHAMMAD (BENUT)  
SOALAN 28 (A53)**

Minta dinyatakan pendirian Kerajaan Negeri Johor sama ada setuju atau sebaliknya kenyataan Perdana Menteri bahawa Undang-Undang Tubuh Negeri Johor 1895 terbatal dan apakah alasan Kerajaan Negeri atas pendirian tersebut.

**YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)  
SOALAN 29 (A102)**

Apakah pendirian kerajaan negeri dengan kenyataan Perdana Menteri menyatakan Undang Undang Tubuh Negeri Johor 1895 terbatal?

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)  
SOALAN 30 (A142)**

Minta nyatakan pendirian rasmi Kerajaan Negeri berkenaan kenyataan YAB Perdana Menteri pada April 2019 bahawa Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Johor terbatal apabila Perlembagaan Persekutuan dibentuk.

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR  
(Jawapan Bersekali A53, A102 & A142 )**

Undang-undang Kerajaan 1895 sebenarnya telah dipinda dan diubah suai menurut kehendak Perlembagaan Persekutuan 1957 berikutan penyertaan Negeri Johor ke dalam Persekutuan Tanah Melayu dan seterusnya mencapai Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Semua peruntukan yang dikehendaki dilakukan sepertimana menurut Fasal 71 Perlembagaan Persekutuan.

Secara terperinci semua peruntukan dalam Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan telahpun dimasukkan dan menjadi Bahagian Kedua Undang-undang Tubuh Kerajaan 1895.

Setakat ini, Kerajaan Negeri Johor ingin menegaskan bahawa Undang-undang Tubuh Negeri Johor 1895 adalah sah dari segi Undang-undang dan ianya masih terpakai dan berkuatkuasa kerana ianya tidak menyalahi dan menepati kehendak Perlembagaan Persekutuan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

**YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD. NOR (KEMELAH)**

**SOALAN 31 (A43)**

Apakah usaha Kerajaan Negeri Johor bagi meningkat sistem penyampaian jabatan dan agensi bawah kerajaan negeri yang lebih cekap dan berkesan, contoh seperti memastikan setiap agensi dan jabatan mempunyai piagam pelanggan serta laporan berkala kepatuhan terhadap piagam pelanggan?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Kerajaan Negeri Johor sentiasa berusaha bagi memastikan sistem penyampaian jabatan dan agensi lebih cekap dan berkesan. Di antara usaha Kerajaan Negeri Johor adalah **pertama**, melalui Pelaksanaan Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor yang merupakan elemen penting dan digunakan bagi pelaksanaan Sistem Penarafan Bintang (SSR), penyediaan Pelan Strategik ICT dan Pelan Anti Rasuah.

**Kedua**, Pelaksanaan 'Key Performance Indicator' (KPI) bagi Pegawai Tadbir Negeri Johor. Melaluinya, prestasi sistem penyampaian perkhidmatan sektor awam akan terus dipantau dan dinilai. Pelaksanaan 'Key Performance Indicator' (KPI) dalam sektor awam akan menjadi tumpuan utama dalam pengukuran prestasi.

KPI ini telah dimulakan sejak tahun 2017 hingga kini. (KPI akan dilaksanakan melalui sistem Johor Indeks Prestasi (JIPS). Sistem ini telah dibangunkan untuk membantu proses pengurusan KPI jabatan dan agensi dengan lebih sistematik.

**Ketiga**, Pelaksanaan Pengurusan Aduan. Kerajaan Negeri Johor akan memastikan aduan awam diuruskan dengan berkesan bagi meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan.

Aduan pelanggan akan digunakan bagi menambah baik kelemahan serta mengelakkan kekurangan penyampaian perkhidmatan yang berulang. Selaras dengan ini, Kerajaan Negeri Johor telah mengguna pakai Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) mulai tahun 2016 dan beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari 2018. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor merupakan satu-satunya PSUK yang menggunakan sistem ini.

SISPAA merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan untuk memperbaiki mutu perkhidmatan dan penyampaian dari semasa ke semasa yang telah dimudahcara oleh teknologi terkini.

SISPAA dapat mempercepatkan dan memudahkan proses penyampaian Maklum Balas kepada Agensi Kerajaan kerana ianya boleh dicapai oleh pengguna di mana-mana dengan adanya capaian internet.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 2 JULAI 2019**

Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor merupakan jabatan yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan dan pemantauan bagi setiap aduan yang disalurkan melalui SISPAA.

**Keempat**, sistem penyampaian maklumat melalui media elektronik, di mana maklumat jabatan dalam Portal Rasmi Kerajaan Negeri Johor sentiasa dikemaskini. Ini bagi membuktikan ketelusan dalam membuat keputusan.

Portal Rasmi Kerajaan Negeri Johor dan Portal Rasmi Jabatan dapat memaparkan maklumat terkini dari jabatan dan agensi bagi membuktikan penjawat awam bekerja dengan telus dan 'transparent' untuk pelanggan dan mudah didapati.

Sistem penyampaian maklumat melalui media elektronik dapat menggalakkan penggunaan ICT kepada pelanggan.

Lebih banyak perkhidmatan dapat disediakan dan lebih banyak kes/aplikasi dapat disiapkan berbanding kaedah lama yang mengambil masa dan tenaga yang banyak.